

Sokongan- China kepada PKM akan dibincang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Malaysia dijangka melahirkan kebimbangannya kepada Perdana Menteri China, Encik Zhao Ziyang yang akan memulakan lawatan tiga harinya ke sini Ahad ini, terhadap Parti Komunis China yang berterusan menyokong perjuangan Parti Komunis Malaya yang diharamkan.

Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie dalam satu pertemuan semalam, menegaskan walaupun masalah sokongan itu masalah parti, tetapi isu ini tetap akan ditimbulkan secara tidak langsung di pertemuan antara Ketua Kerajaan China dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, di sini.

Katanya lagi, walaupun Encik Zhao berkunjung ke Malaysia sebagai wakil Kerajaan China, beliau juga merupakan salah seorang pemimpin tertinggi Parti Komunis China.

Oleh itu, tambah Tan Sri Ghazali, pihak Malaysia sudah pasti akan merakamkan kebimbangannya mengenai Parti Komunis China yang berterusan menyokong Parti Komunis Malaya.

Ubah sikap

Rakaman perasaan itu, sambungnya, diharap akan dapat disampaikan oleh Encik Zhao kepada peringkat tertinggi dalam Parti Komunis China.

Kebelakangan ini memang terdapat beberapa tafsiran terhadap sokongan Parti Komunis China terhadap perjuangan parti-parti komunis di Asia Tenggara termasuk Malaysia, katanya.

Beberapa pemimpin ASEAN yang berkunjung ke China beberapa bulan lalu membayangkan China kini mula mengubah sikapnya terhadap perjuangan parti-parti komunis di Asia Tenggara dan mungkin memutuskan hubungan itu sama sekali.

Bagaimanapun, Tan Sri Ghazali berpendapat, Malaysia terpaksa menimbulkan semula isu ini secara tidak langsung kerana sekarang belum terdapat bukti, kenyataan atau pun tindakan dari China bahawa hubungannya dengan parti komunis di rantau ini termasuk Malaysia, telah diputuskan.

Encik Zhao akan mengadakan dua pertemuan penting dengan Datuk Seri Dr. Mahathir,

No.

No.

7